



15 DEC, 2022

## Penyelidik Malaysia menang Anugerah STI di Korea Selatan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

## Penyelidik Malaysia menang Anugerah STI di Korea Selatan

**PUTRAJAYA:** Saintis Kanan di Pusat Penyelidikan Kanser Malaysia Dr. Annie Chai Wai Yeeng memenangi kategori Next ASEAN Innovator pada Anugerah Kecemerlangan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) ASEAN-ROK Ke-4 2022 di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataan hari ini memaklumkan kejayaan itu berdasarkan penyelidikan Chai dalam mengenal pasti gabungan ubat sinergistik dalam model kanser Asia yang unik menerusi pengaplikasian pembelajaran mesin.

Pengaplikasian pembelajaran mesin itu bagi kaedah pengiraan dalam ramalan gabungan ubat sinergistik menggunakan gabungan skrin penting CRISPR/Cas9, genomik dan data pemeriksaan ubat, terutamanya bagi

kanser kepala dan leher (HNC) yang berasal dari Asia.

"Beliau dianugerahkan hadiah wang tunai AS\$12,000 (kira-kira RM52,600) dan dijemput menghadiri Program Latihan STI ASEAN-ROK selama seminggu bermula 27 November hingga 3 Disember lepas di Seoul, Korea Selatan serta diberi peluang membentangkan dan berkongsi hasil kerja beliau.

"Anugerah tersebut telah diserahkan secara rasmi oleh Kerajaan Republik Korea (ROK) melalui Kementerian Sains dan ICT (MSIT), ROK dan Science and Technology Policy Institute (STEPI) pada 1 Disember," menurut kenyataan itu.

Anugerah berkenaan yang dikelolakan kerajaan Korea Selatan melalui MSIT dengan sokongan STEPI dan ASEAN itu ber-

tujuan menggalakkan penglibatan saintis dan jurutera muda dalam penyelidikan sains, teknologi dan inovasi (STI) serta mengiktiraf pencapaian akademik dan profesional para saintis serta jurutera dalam kalangan warga ASEAN.

Menurut MOSTI ini adalah kali kedua penyelidik Malaysia memenangi anugerah itu selepas Dr. Nur Hafizah Abd Khalid memenanginya pada 2020 pada edisi kedua anugerah tersebut.

"Pencapaian ini diharapkan dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi menyemarakkan lagi minat dalam kalangan institusi penyelidikan dan penyelidik negara untuk berusaha ke arah penyelesaian yang inovatif dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan dengan memanfaatkan STI," katanya.

- Bernama



15 DEC, 2022

## Penyelidik Malaysia menang Anugerah STI di Korea Selatan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Saintis Kanan di Pusat Penyelidikan Kanser Malaysia Dr. Annie Chai Wai Yeeng memenangi kategori Next ASEAN Innovator pada Anugerah Kecemerlangan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) ASEAN-ROK Ke-4 2022 di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataan hari ini memaklumkan kejayaan itu berdasarkan penyelidikan Chai dalam mengenaf pasti gabungan ubaj<sup>1</sup>inergistik1 dalam model kanser Asia yang unik menerusi pengaplikasian pembelajaran mesin.